

D247

U 8463 DEB

MAHATHIR - SUBSIDI

BUTTERWORTH, 6 OGOS (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MENGINGATI PARA PETANI DAN NELAYAN SUPAYA JANGAN BERGANTUNG SEPENUHNYA KEPADA KERAJAAN UNTUK MENDAPATKAN SUBSIDI.

PERDANA MENTERI BERKATA KERAJAAN TELAH MENGELUARKAN BERJUTA-JUTA RINGGIT KEPADA PARA PETANI DAN NELAYAN DALAM BENTUK SUBSIDI BAGI FAEDAH PENGELUAR DAN PENGGUNA.

SEMASA MERASMIKAN HARI PELADANG DAN NELAYAN KEBANGSAAN DI SEBERANG JAYA DI SINI, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA PARA PETANI YANG MENGUSAHAKAN PENGELUARAN UNTUK MAKANAN SEPERTI BERAS JANGANLAH BERHARAP KEPADA KERAJAAN UNTUK MENAIKKAN SUBSIDI LAGI.

+UNTUK MENAIKKAN SUBSIDI BERMAKNA KERAJAAN TERPAKSA MENGENEPIKAN PROJEK ATAU KEPERLUAN LAIN BAGI KEMUDAHAN RAKYAT KERANA PERTAMBAHAN INI BERMAKNA PERUNTUKAN KEWANGAN DIPERLUKAN,+ TEGAS BELIAU.

BAGAIMANAPUN KERAJAAN TIDAK MAHU JUGA BARANG MAKANAN YANG DIKELUARKAN DINAIKKAN HARGA KERANA INI AKAN MENJEJASKAN MEREKA YANG BERPENDAPATAN RENDAH. -- LAGI.

1513MST 06 08 85

MAHATHIR - SUBSIDI 2 BUTTERWORTH

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENEGASKAN BAHAWA KERAJAAN SENTIASA MEMASTIKAN BAHAWA RAKYAT CUKUP BEKALAN MAKANAN BAGI SEMUA TANPA MEMBEBANKAN SATU PIHAK SAMA ADA PENGELUAR ATAU PENGGUNA.

KERAJAAN TAMBAH BELIAU TIDAK AKAN MENGIMPORT BERAS TANPA SEKATAN BAGI MEMASTIKAN PENGELUARAN DI NEGARA INI DAPAT DIPASARKAN DENGAN HARGA YANG BERPATUTAN YANG BOLEH MENAMBAHKAN PENDAPATAN PARA PENGELUAR.

BELIAU BERKATA HARGA BERAS KELUARAN NEGARA TIDAK DAPAT DINAIKKAN DENGAN TINGGI MEMANDANGKAN GOLONGAN YANG MISKIN DI NEGARA INI BUKAN SAHAJA TERDIRI DARIPADA PETANI BAHKAN SEMUA GOLONGAN PEKERJAAN.

PARA PETANI JANGANLAH MENGANGGAP KERAJAAN MENGELUARKAN SUBSIDI BAGI KEPENTINGAN PARA PENGGUNA TETAPI LANGKAH INI IALAH BAGI FAEDAH SEMUA PIHAK SUPAYA TIDAK MENJEJASKAN MANA-MANA PIHAK DARIPADA SEGI HARGA BERAS.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD JUGA BERKATA KERAJAAN KINI MENKAJI DASAR PEMASARAN PADI DAN PENGELUARAN MAKANAN BAGI MEMASTIKAN HARGA YANG DIKENAKAN TIDAK AKAN MENJEJASKAN KEPENTINGAN KEPERLUAN MAKANAN RAKYAT. -- LAGI.

1516MST 06 08 85

MAHATHIR - SUBSIDI 3 BUTTERWORTH

PERDANA MENTERI MENGINGATI PARA PETANI DAN NELAYAN SUPAYA MENGUSAHAKAN PUNCA MATA PENCARIAN MENGIKUT PEREDARAN MASA DENGAN MENGGUNAKAN JENTERA MODEN DAN TERNIK BARU.

MEREKA TIDAK BOLEH LAGI MENGIKUT CARA LAMA BAGI MENINGKATKAN PRODUKTIVITI BAGI MENAMBAHKAN HASIL PENDAPATAN MEREKA.

BELIAU BERHARAP MEREKA DAPAT BERUSAHA DENGAN GIGIH BAGI MENCAPAI HASRAT SEBAGAI PETANI MODEN DAN BERJAYA DENGAN KEMUDAHAN PAKAR-PAKAR YANG DISEDIAKAN OLEH KERAJAAN.

D250

U B466 DFB

MAHATHIR - SUBSIDI 4 BUTTERWORTH

LANGKAH INI JUGA BOLEH MENJIMATKAN KEWANGAN DAN TENAGA DENGAN MENDAPATKAN PENGELUARAN YANG MENGUNTUNGKAN, TAMBAH BELIAU.

PERDANA MENTERI JUGA MENINGATI PARA PETANI DAN NELAYAN SUPAYA JANGAN DIPENGARUHI OLEH ANASIR YANG TIDAK BERTANGGUNGJAWAB BAGI GOLONGAN YANG MEMENTINGKAN DIRI SENDIRI DALAM POLITIK.

PADA UPACARA ITU, DATUK SERI DR. MAHATHIR MENYAMPAIKAN HADIAH-HADIAH KEPADA PEMENANG NELAYAN DAN PETANI JAYA DALAM BERBAGAI-BAGAI PERINGKAT PERADUAN.

SEBELUM ITU KETIBAAN DATUK SERI DR. MAHATHIR DAN DATUK SERI DATIN PADUKA DR. SITI HASMAH DISAMBUT DENGAN PERMAIDANI MERAH, PUKULAN KOMPANG DAN PEMBAWA BUNGA MANGGAR.

YANG TURUT HADIR PADA UPACARA ITU IALAH KETUA MENTERI DR. LIM CHONG EU, MENTERI PERTANIAN, ENCIK ANWAR IBRAHIM DAN PARA KENAMAAN YANG LAIN. -- BERNAMA.

1519MST 06 08 85